

**MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA
SESI KE-45**

“PENGHAYATAN RUKUN NEGARA”

Tajuk:

**RUKUN NEGARA WADAH PERPADUAN
BANGSA:
CABARAN KINI DAN MENDATANG**

Oleh:

Prof. Madya Dr. Ramalingam Rajamanickam

21 Disember 2020 (Isnin)

Anjuran:

ARKIB NEGARA MALAYSIA

RUKUN NEGARA WADAH PERPADUAN BANGSA: CABARAN KINI DAN MENDATANG

Prof. Madya Dr. Ramalinggam Rajamanickam,
Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang dan
Felo Bersekutu Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstrak

Perpaduan bangsa sentiasa menjadi agenda penting di negara Malaysia. Kepelbagaian yang wujud dari segi bangsa, budaya, agama dan sebagainya sering menjadi cabaran yang perlu ditempuh dalam Malaysia mengorak langkah menjadi negara maju setanding negara-negara yang lain. Inisiatif demi inisiatif sentiasa diambil dari semasa ke semasa dalam mengukuhkan perpaduan bangsa di Malaysia. Sudah tentunya, kita tidak mahu tragedi ngeri 13 Mei 1969 yang pernah menggugat keharmonian negara berlaku kembali. Memang tidak dapat disangkal bahawa kekuatan Malaysia ialah kepelbagaian bangsa yang wujud. Pada masa yang sama, kepelbagaian bangsa ini jugalah yang sentiasa menjadi cabaran kepada Malaysia. Lantaran itu, pelbagai mekanisme atau wadah diwujudkan demi memastikan perpaduan bangsa di Malaysia kekal utuh. Antara wadah penting yang digubal ialah Rukun Negara. Secara amnya, Rukun Negara digubal dengan cita-cita untuk mewujudkan rakyat yang bersatu padu. Pembentukan Rukun Negara ini juga sekali gus telah mewujudkan ideologi kepada negara Malaysia. Rukun Negara seharusnya menjadi pegangan dan amalan dalam kalangan seluruh warganegara Malaysia. Apabila Rukun Negara diangkat martabatnya sebagai ideologi Malaysia, maka Rukun Negara seharusnya menjadi kerangka utama dalam segala aspek kehidupan di Malaysia. Sungguhpun demikian, realiti kini menunjukkan bahawa walaupun Rukun Negara telah mencecah usia 50 tahun pada tahun 2020, namun kedudukan Rukun Negara sebagai paksi perpaduan masih menjadi tanda tanya dalam pelbagai aspek di Malaysia. Itulah sebabnya luahan, keluhan dan kritikan banyak pihak masih berkisar tentang aspek penghayatan Rukun Negara. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengetengahkan beberapa cabaran yang perlu difikirkan bersama demi memastikan semangat dan intipati Rukun Negara dicapai secara holistik. Segala cabaran yang dilontarkan dalam kertas kerja ini adalah berdasarkan pengamatan dan pengalaman penulis sebagai rakyat Malaysia yang sentiasa mengutamakan perpaduan bangsa demi negara. Kertas kerja ini diharapkan dapat membuka mata dan minda kita bersama dalam menilai semula sejauh manakah Rukun Negara benar-benar menjadi suatu budaya di Malaysia. Penulis juga berharap agar cabaran-cabaran yang diutarakan dalam kertas kerja ini dapat ditangani secara tekal ke arah memastikan kelangsungan dan kemampunan Rukun Negara sebagai wadah perpaduan bangsa. Sesungguhnya, warganegara Malaysia harus memartabatkan Rukun Negara kerana Rukun Negara merupakan wadah perpaduan dalam mewujudkan negara bangsa.

Kata kunci: Rukun Negara, perpaduan, ideologi, penghayatan, Malaysia

1. PENGENALAN

Malaysia ialah negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa, bahasa, agama, budaya dan sebagainya. Kepelbagaian yang wujud di bumi Malaysia menjadi keunikan dan khazanah kepada negara. Kepelbagaian ini berupaya untuk memberikan manfaat yang amat besar dalam kemampunan dan kemandirian Malaysia sebagai negara yang berdaulat. Pada masa yang sama, kepelbagaian ini juga menjadi cabaran terpenting buat negara Malaysia dalam memastikan kestabilan dan keharmonian rakyat dan negara. Pembentukan dan pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa umpama “menarik rambut di dalam tepung, rambut tak putus, tepung tak berselerak.” Semua inisiatif dan strategi yang dirangka perlu dilaksanakan secara berhati-hati dengan mengambil kira sensitiviti rakyat secara holistik.

Perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia amat penting. “Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.” Begitulah peribahasa yang menggambarkan betapa pentingnya kesepaduan dan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Sejarah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah membuktikan kekuatan perpaduan dalam kalangan rakyat. Menerusi perpaduan yang terbentuk melalui penyatuan parti politik pada ketika itu, kita berjaya memperoleh kemerdekaan yang sedang kita kecapai hari ini. Tanpa perpaduan, tidak mungkin Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya. Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa perpaduan menjadi teras kepada kejayaan di negara kita.

Walau bagaimanapun, api perkauman mudah untuk disebarkan dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa jika perpaduan tidak utuh. Hal ini terbukti menerusi peristiwa 13 Mei yang berlaku pada tahun 1969. Peristiwa ini merupakan detik hitam yang tidak dapat dilupakan oleh rakyat Malaysia. Perpaduan yang wujud sejak zaman pramerdeka telah dimusnahkan begitu sahaja menerusi rusuhan kaum yang telah berlaku. Peristiwa 13 Mei 1969 inilah yang menjadi titik tolak ke arah penggubalan Rukun Negara. Majlis Perundingan Negara yang telah ditubuhkan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) berikutan peristiwa tersebut telah membentuk Rukun Negara.

Secara mudahnya, Rukun Negara ialah aliran atau fahaman yang sepatutnya wujud dalam diri setiap rakyat Malaysia. Perkataan rukun boleh difahami sebagai “elemen atau syarat.” Maka, Rukun Negara mengandungi elemen-elemen bagi negara Malaysia. Lantaran itu, seseorang yang bergelar warganegara Malaysia seharusnya menjiwai dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara yang telah digariskan. Sesiapa yang tidak mematuhi mana-mana prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh dianggap sebagai tidak memenuhi syarat untuk menjadi warganegara Malaysia yang berpanduan Rukun Negara. Sehubungan dengan itu, Rukun Negara menjadi komponen yang paling penting di negara Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana Rukun Negara ialah ideologi negara Malaysia.

Kertas kerja ini akan membincangkan Rukun Negara dari sudut perpaduan bangsa dengan mengutarakan beberapa aspek yang menjadi cabaran dalam penghayatan Rukun Negara di Malaysia. Setiap aspek yang dirungkai dalam kertas kerja ini bertujuan untuk kita menilai semula kedudukan Rukun Negara di Malaysia dengan mengambil kira peranan yang seharusnya dimainkan oleh semua lapisan masyarakat. Bagi penulis, semua aspek yang dibincangkan dalam kertas kerja ini merupakan antara cabaran yang masih dihadapi dan perlu ditangani pada masa hadapan bagi memastikan Rukun Negara dihayati sepenuhnya oleh warganegara Malaysia.

2. RUKUN NEGARA DARI SEGI KEFAHAMAN RAKYAT

Kita semua sedar bahawa Rukun Negara dibentuk untuk mewujudkan rakyat yang bersatu padu. Perpaduan bangsa merupakan objektif utama pengenalan Rukun Negara. Namun, perkara yang sukar untuk difahami sehingga kini ialah hubungan antara lima prinsip Rukun Negara tersebut dengan perpaduan. Apakah hubung kait antara lima prinsip yang digariskan dalam Rukun Negara dengan pembentukan dan pengukuhan perpaduan di Malaysia? Bagaimanakah lima prinsip Rukun Negara tersebut dapat melahirkan rakyat yang bersatu padu? Mungkin inilah persoalan-persoalan yang bermain di minda seseorang yang mengakibatkan Rukun Negara tidak dapat dihayati sepenuhnya.

Setiap kali kita membincangkan Rukun Negara, hampir semua pihak membangkitkan isu penghayatan Rukun Negara. Rukun Negara perlu dihayati, bukan hanya menjadi kata-kata untuk dihafal. Mengapakah penghayatan Rukun Negara masih menjadi perbincangan hangat sehingga kini? Adakah semua orang benar-benar memahami Rukun Negara? Tanpa kefahaman yang baik, Rukun Negara tidak dapat dihayati secara sewajarnya. Tanpa penghayatan pula, Rukun Negara tidak akan menjadi pegangan dan amalan dalam kehidupan seharian.

Jika kita bertanya secara rawak kepada individu di sekeliling kita tentang kefahaman mereka dalam konteks Rukun Negara, kita akan dikejutkan dengan pelbagai jawapan yang menyimpang daripada asas penggubalan Rukun Negara. Memang mereka boleh menjawab bahawa Rukun Negara dibentuk untuk mewujudkan perpaduan, namun mereka tidak boleh mengaitkan lima prinsip Rukun Negara tersebut dengan pembentukan perpaduan. Wasilah yang wujud antara lima prinsip tersebut dengan perpaduan bangsa masih tidak dapat dirungkaikan oleh rakyat Malaysia. Walaupun sukar untuk diterima, namun inilah realitinya. Kita harus berpijak di bumi yang nyata agar masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, sebelum Rukun Negara dapat dihayati, Rukun Negara perlulah difahami terlebih dahulu. Kefahaman tentang Rukun Negara amat penting dalam melahirkan rakyat yang cinta akan Rukun Negara. Bak kata pepatah, “tak kenal maka tak cinta.” Oleh itu, kita perlu mengenali Rukun Negara dengan lebih mendalam dengan mengetahui pertautan

antara Rukun Negara dengan perpaduan bangsa. Apabila kita mengamalkan lima prinsip Rukun Negara tersebut, kita dapat mencapai objektif yang disasarkan.

3. RUKUN NEGARA DARI SEGI PERANAN KELUARGA

Keluarga ialah institusi yang amat penting dalam membentuk keperibadian seseorang. Oleh sebab itulah, pepatah berbunyi “melentur buluh biarlah dari rebungnya.” Didikan kepada anak-anak bermula dari rumah. Ibu bapa bertanggungjawab dalam membentuk anak-anak menjadi insan yang berguna dan berjaya dalam kehidupannya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapa menyumbang masa dan tenaga dalam mendidik anak-anak supaya menjadi manusia yang baik.

Walau bagaimanapun, ibu bapa juga harus sedar bahawa mereka juga mempunyai peranan dalam membentuk anak-anak menjadi warganegara Malaysia yang berjiwa kebangsaan. Persoalannya, adakah ibu bapa memberikan ilmu ketatanegaraan yang mencukupi kepada anak-anak bermula dari rumah? Ilmu ketatanegaraan atau secara khususnya, pengetahuan tentang negara Malaysia amat penting dalam melahirkan anak bangsa yang mengutamakan perpaduan bangsa dan negara. Antara ciri warganegara yang baik ialah menjadikan Rukun Negara sebagai pegangan di bumi Malaysia. Persoalan yang terdetik di sini ialah sejauh manakah ibu bapa memainkan peranan dalam menerapkan ilmu tentang Rukun Negara dalam sanubari anak-anak?

Ibu bapa haruslah menyemai benih-benih Rukun Negara dalam jiwa anak-anak supaya benih-benih tersebut bercambah menjadi pohon perpaduan dalam membentuk bangsa Malaysia. Segala yang diajar atau dididik oleh ibu bapa akan menjadi ikutan dan amalan anak-anak sepanjang hidup mereka. Selain itu, ibu bapa juga harus menunjukkan teladan atau contoh yang baik kepada anak-anak. Dalam konteks Rukun Negara, ibu bapa haruslah menjadi warganegara yang menghayati Rukun Negara. Anak-anak akan menjadikan ibu bapa mereka sebagai contoh yang terdekat dan akan mengikut segala jejak langkah mereka. Bak kata pepatah, “ke mana tumpahnya kuah kalau bukan ke nasi.”

Rentetan itu, peranan keluarga atau ibu bapa dalam penghayatan Rukun Negara amat penting dan bermakna. Ibu bapa perlu sedar tentang tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak tentang Rukun Negara ke arah mewujudkan negara Malaysia yang harmoni dan bersatu padu tanpa mengira bangsa dan agama. Pendidikan Rukun Negara seharusnya bermula dari rumah. Malangnya, hal ini tidak berlaku sepenuhnya dari segi amalan. Oleh itu, langkah yang proaktif dan tekal harus diambil dalam memastikan ibu bapa memahami peranan yang perlu dimainkan dalam melahirkan warganegara yang menghayati Rukun Negara.

4. RUKUN NEGARA DARI SEGI SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Pendidikan merupakan suatu hak asasi manusia yang amat penting kepada semua. Menerusi pendidikan, modal insan yang berkualiti dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dapat dilahirkan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam usaha melahirkan modal insan, sistem pendidikan juga memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan perpaduan turut menjadi inti pati utama komponen pendidikan negara. Hal ini kerana pendidikan merupakan tulang belakang sesebuah negara yang menentukan jatuh banggunya sesebuah negara. Oleh itu, tidak salah jika dikatakan bahawa pendidikan menjadi nadi penting kepada pengukuhan perpaduan bangsa di Malaysia. Rentetan itu, segala aspek yang berkaitan dengan perpaduan perlu diterapkan dalam sistem pendidikan di Malaysia ke arah mewujudkan rakyat yang demokratik dan bersatu padu.

Dalam konteks sistem pendidikan negara, penerapan Rukun Negara dalam kurikulum sekolah masih kabur. Walaupun begitu, keberadaan Rukun Negara di alam persekolahan masih boleh dilihat. Murid-murid dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 memang melafazkan Rukun Negara, sekurang-kurang sekali dalam seminggu. Perhimpunan sekolah sudah tentunya menjadi platform melafazkan Rukun Negara secara beramai-ramai. Tambahan pula, Rukun Negara dicetak di belakang kulit buku latihan sekolah untuk memudahkan murid-murid menghafal Rukun Negara. Bukan itu sahaja, malahan Kelab Rukun Negara telah mula ditubuhkan di sekolah-sekolah di Malaysia mulai tahun 2001.¹ Segala usaha dan perkembangan yang berlaku di alam persekolahan ini memang patut dipuji dan diberi merit.

Sungguhpun demikian, mari kita perhalusi tentang kedudukan Rukun Negara di institusi pengajian tinggi negara. Di manakah kedudukan Rukun Negara di kolej komuniti, politeknik, universiti awam dan institusi pengajian tinggi swasta? Adakah sekadar wujudnya Sekretariat Rukun Negara di institusi pengajian tinggi mampu untuk mewujudkan rakyat yang bersatu padu? Sejauh manakah aktiviti-aktiviti yang direncanakan dan dianjurkan oleh Sekretariat Rukun Negara mampu untuk mencapai niat murni yang disasarkan di sebalik penggubalan Rukun Negara?

Di samping itu, adakah semangat Rukun Negara ini perlu dihayati oleh pelajar-pelajar sahaja? Apakah kedudukan Rukun Negara dalam kalangan warga pendidik? Guru-guru dan golongan pendidik yang lain bukan hanya bertanggungjawab untuk memastikan para pelajarnya menghafal dan memahami Rukun Negara. Malahan, warga pendidik di Malaysia juga mempunyai kewajipan untuk menghayati Rukun Negara sebelum suntikan ideologi dibuat kepada pelajar-pelajarnya.

Bukan itu sahaja, malah isu lain yang perlu diperhalus ialah peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam aktiviti yang melibatkan Rukun Negara. Sejauh manakah ibu bapa turut memainkan peranannya dengan melibatkan diri dalam aktiviti Rukun Negara yang dianjurkan

¹ Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/2000: Penubuhan Kelab Rukun Negara Di Sekolah-Sekolah, 16 November 2000.

di sekolah? Semua persoalan ini memerlukan penelitian yang khusus sebelum suatu jawapan boleh diberikan.

Sesungguhnya, isu tentang kedudukan Rukun Negara dalam sistem pendidikan kebangsaan, termasuklah pendidikan tinggi masih tidak selesai. Sehingga kini, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara belum lagi mencapai tahap seratus peratus dari segi penubuhannya di Malaysia. Walau bagaimanapun, setakat ini, terdapat lebih kurang 6,621 Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara sejak tahun 2004 dan 172 Sekretariat Rukun Negara di institusi pengajian tinggi.² Walaupun angka ini agak baik, namun peningkatan dari segi bilangan yang drastik amat perlu untuk diusahakan agar kewujudan dan pengajuran aktiviti di setiap institusi pendidikan mampu memberikan impak positif yang menyeluruh. Tambahan pula, Rukun Negara perlu menjadi aktiviti utama setiap institusi pendidikan di Malaysia dengan penglibatan para pelajar, warga pendidik, ibu bapa dan pihak-pihak lain agar ruang dan peluang untuk mewujudkan integrasi antara semua pihak dapat diwujudkan.

5. RUKUN NEGARA DARI SEGI INDUSTRI PEKERJAAN

Selain dunia pembelajaran, satu lagi aspek yang menjadi sebahagian daripada komponen penting dalam kehidupan seharian manusia ialah dunia pekerjaan. Lazimnya, rakyat Malaysia menghabiskan lebih kurang lapan jam sehari untuk bekerja. Peruntukan masa ini merupakan satu pertiga daripada keseluruhan masa 24 jam yang ada. Hal ini menunjukkan bahawa setiap seorang daripada kita meluangkan masa yang begitu banyak dan lama di tempat bekerja. Oleh itu, ruang dan persekitaran untuk berkomunikasi dan berintegrasi antara satu sama yang lain sentiasa wujud di tempat kerja, sama ada semasa bekerja, berehat ataupun selepas waktu pejabat.

Rentetan itu, penerapan dan penghayatan Rukun Negara turut dapat dilakukan menerusi industri pekerjaan. Sungguhpun begitu, kedudukan Rukun Negara dalam ruang lingkup industri pekerjaan di Malaysia masih menjadi tanda tanya. Adakah Rukun Negara menjadi suatu aspek yang diuar-uarkan di tempat kerja? Sejauh manakah Rukun Negara menjadi budaya sesuatu organisasi kerja di Malaysia? Sekiranya Rukun Negara ingin dimartabatkan, maka kedudukan Rukun Negara seharusnya jelas dalam segala aspek, termasuk di industri pekerjaan.

Sebelum mengambil seseorang untuk bekerja, lazimnya akan terdapat proses permohonan dan temu duga pekerja. Semasa temu duga, calon yang ingin bekerja akan ditanya dengan pelbagai jenis soalan untuk menentukan kewibawaan calon dalam banyak aspek, termasuk menilai keperibadiannya. Persoalan yang sentiasa berbangkit ialah sejauh manakah soalan tentang aspek ketatanegaraan juga diajukan kepada calon sebelum calon diambil untuk

² Bernama, Kementerian Perpaduan pastikan kelab, sekretariat Rukun Negara diwujudkan di seluruh negara, 30 Ogos 2020, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kementerian-perpaduan-pastikan-kelab-sekretariat-rukun-negara-diwujudkan-di-seluruh-negara-257372> (di akses pada 4 Disember 2020).

bekerja? Adakah soal ketatanegaraan hanya terbatas kepada mereka yang ingin berkhidmat sebagai anggota dalam pasukan ketahanan Malaysia? Bukankah semua orang wajib mempunyai pengetahuan tentang ketatanegaraan?

Memang tidak dapat disangkal lagi bahawa satu daripada aspek ketatanegaraan yang kurang diberikan perhatian dalam industri pekerjaan ialah Rukun Negara. Semua orang mesti mengetahui Rukun Negara dan menjadikannya amalan dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini termasuklah amalan dalam dunia pekerjaan di Malaysia yang melibatkan majikan, pekerja, pelanggan dan pengguna yang multibangsa dan budaya. Lebih-lebih lagi, apabila seseorang berkhidmat sebagai pekhidmat awam (public servant), sudah tentunya dia perlu memastikan perpaduan negara sentiasa terpelihara dan dikukuhkan dari semasa ke semasa. Pengetahuan dan penghayatan Rukun Negara yang ada pada seseorang pekerja akan menjadikannya lebih bersifat kebangsaan dan sentiasa peka akan isu perpaduan dalam organisasi pekerjaan. Begitu juga dengan majikan yang menjiwai Rukun Negara. Dia bukan sahaja akan memastikan perpaduan terjaga, malahan akan cuba untuk menjadikannya budaya dalam organisasi. Perpaduan di tempat kerja amat penting kerana usaha setiap seorang dalam industri pekerjaan akan memacu ekonomi industri terbabit khasnya dan Malaysia amnya.

6. RUKUN NEGARA DARI SEGI KEPIMPINAN

Pemimpin ialah individu yang berpengaruh, sama ada di peringkat negara, institusi ataupun masyarakat. Setiap pemimpin sudah tentunya mempunyai pengikutnya yang tersendiri. Pada lazimnya, pemimpin bertindak sebagai penaung dan pelindung kepada pengikut-pengikutnya, ibarat “kayu besar di tengah padang, tempat bernaung kepanasan, tempat berlindung kehujanan.” Pengikut-pengikut pemimpin ini akan menjadikan pemimpin mereka sebagai sumber inspirasi dan contoh dalam kehidupan mereka. Tindak-tanduk pemimpin dapat mempengaruhi pemikiran pengikutnya.

Sehubungan dengan itu, seseorang pemimpin seharusnya menjadi suri teladan (role model) yang baik kepada pengikut-pengikutnya. Dalam aspek penghayatan Rukun Negara, pemimpin sepatutnya menunjukkan contoh yang baik dengan menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara. Penghayatan dan pengamalan Rukun Negara oleh pemimpin ini dapat mendorong pengikutnya untuk turut bersama dalam menghayati dan mengamalkan Rukun Negara. Persoalannya, sejauh manakah semua pemimpin yang ada di Malaysia mematuhi lima prinsip Rukun Negara yang termaktub?

Tambahan pula, seseorang pemimpin seharusnya menguar-uarkan Rukun negara dalam kepimpinannya. Selain mengamalkan Rukun Negara dalam kehidupannya, seseorang pemimpin juga perlu menyelitkan Rukun Negara dalam setiap aspek kepimpinannya agar Rukun Negara menjadi kerangka utama kepimpinan di Malaysia. Penerapan Rukun Negara dalam kepimpinan dapat memangkin proses penghayatan Rukun Negara oleh pengikut-pengikutnya. Hal ini dikatakan demikian kerana pemimpin mempunyai pengaruh yang besar dalam kalangan pengikutnya, khususnya terhadap anak muda.

Lantaran itu, seseorang pemimpin perlu menjadi suri teladan yang baik kepada orang lain. Kepimpinan melalui teladan merupakan cara terbaik untuk memastikan Rukun Negara dihayati sepenuhnya. Sebelum meminta atau mengarahkan orang lain untuk menghayati Rukun Negara, setiap pemimpin perlu menunjukkan contoh yang baik dengan mencerminkan Rukun Negara dari segi pegangan dan amalan. Hal ini dikatakan demikian kerana bak kata pepatah, “tuah yang disembah, junjung yang dipanjat.”

7. RUKUN NEGARA DARI SEGI PERANAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN

Pertubuhan Bukan Kerajaan (non-governmental organization [NGO]) merupakan entiti yang penting dalam sesebuah negara. NGO memainkan peranan yang besar sebagai mekanisme semak dan imbang (check and balance) kepada peranan yang dimainkan oleh kerajaan dalam sesebuah negara. Bukan itu sahaja, malahan NGO menjadi pelengkap kepada penjalanan jentera pentadbiran dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Begitu juga halnya dalam konteks Rukun Negara.

NGO perlu memainkan peranannya secara aktif dan seimbang dalam memastikan usaha menyebar luas dan menghayati Rukun Negara tercapai. Buat masa ini, penglibatan NGO dalam aspek penghayatan Rukun Negara tidak begitu ketara, sama ada dari segi bilangan NGO mahupun tahap keaktifannya. Tanggungjawab untuk memastikan warganegara Malaysia menjiwai Rukun Negara dan menjadikannya sebagai amalan hidup tidak harus diletakkan di bahu kerajaan semata-mata. Sebaliknya, semua pihak, termasuk NGO perlu memikul tanggungjawab dengan membantu kerajaan dalam mewujudkan perpaduan bangsa Malaysia yang berpaksikan Rukun Negara.

Kelahiran lebih banyak NGO yang berkaitan dengan Rukun Negara amat perlu pada masa ini dan pada masa hadapan. Hal ini dikatakan demikian kerana NGO dapat membantu kerajaan dalam merealisasikan hasrat yang disasarkan dalam penggubalan Rukun Negara. Hubungan antara kerajaan dengan NGO dalam konteks ini bagai “aur dengan tebing” kerana keduanya saling memerlukan antara satu sama yang lain. Tanpa peranan NGO yang aktif dan berkesan, kerajaan tidak dapat menggerakkan konsep penghayatan Rukun Negara secara optimum.

8. KESIMPULAN

Rukun Negara wadah perpaduan bangsa di Malaysia kerana Rukun Negara menjadi ideologi yang perlu dipegang oleh semua warganegara. Apabila seseorang melafazkan Rukun Negara, dia sebenarnya memberikan janji sebagai rakyat Malaysia bahawa dia akan menumpukan seluruh tenaga dan usahanya untuk mencapai cita-cita yang digariskan dalam Rukun Negara berdasarkan lima prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara. Sungguhpun demikian, persoalan yang berbangkit ialah sejauh manakah rakyat berpegang pada janji yang telah

dibuat? Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila kefahaman rakyat tentang Rukun Negara dan perkaitannya dengan perpaduan bangsa masih belum utuh. Sejauh manakah rakyat memahami bahawa semangat di sebalik Rukun Negara adalah untuk mengukuhkan perpaduan bangsa di Malaysia?

Dalam meniti perbincangan tentang Rukun Negara sebagai paksi perpaduan negara, kita seharusnya berpijak di bumi yang nyata. Realiti yang berlaku, walaupun memahitkan, seharusnya dibincangkan secara telus dan terbuka. Bukan untuk mencari salah siapa atau untuk menuding jari kepada sesiapa, sebaliknya sebagai muhasabah diri masing-masing sebagai warganegara Malaysia yang sepatutnya menjunjung Rukun Negara. Sejajar dengan itu, beberapa cabaran telah dilontarkan dari kaca mata penulis agar kita dapat memperhalus setiap satunya dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke arah mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Cabaran-cabaran inilah yang menjadikan penghayatan Rukun Negara sebagai suatu polemik di Malaysia.

Dalam memastikan niat penggubalan Rukun Negara tercapai, semua pihak harus menggembleng tenaga secara bersama. Sinergi semua lapisan masyarakat dapat memastikan perpaduan negara yang disasarkan oleh Rukun Negara dapat direalisasikan. Sehubungan dengan itu, semua pihak harus memainkan peranannya dalam memastikan Rukun Negara dijiwai dan dihayati sepenuhnya. Bak kata papatah, “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing; bukit sama didaki, lurah sama dituruni.”

Sesungguhnya, penghayatan Rukun Negara dalam kerangka Malaysia sangat penting kerana bangsa Malaysia yang ingin dibentuk selama beberapa dekad masih menjadi impian yang belum menjadi kenyataan penuh. Kelangsungan dan kemandirian Malaysia sebagai negara yang stabil dan harmoni bergantung pada rakyatnya yang bersatu padu. Kesepaduan dan permuafakatan yang wujud dalam kalangan rakyat Malaysia akan memacu negara Malaysia ke arah yang lebih maju pada setiap masa. Rakyat Malaysia haruslah mengutamakan sikap umpama “serumpun bak serai, sesusun bak sirih” untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara yang maju, bukan sahaja dari sudut lahiriah, malahan juga dari sudut rohaniah.